

25 NOV 1998

Dewan-Melaka (Usul)

DEWAN MELAKA BANTAH CAMPUR TANGAN PIHAK ASING

MELAKA, 25 Nov (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Melaka hari ini meluluskan usul tergepar mengutuk sekeras-kerasnya campur tangan oleh pihak asing dalam urusan dalam negara.

Usul yang dibentangkan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin (BN-Merlimau) itu menolak campur tangan asing yang bertujuan jahat, menghasut dan mengelirukan pendirian rakyat sehingga menjejaskan perpaduan, keharmonian, ketenteraman serta keselamatan negara yang terjalin selama ini.

Usul itu disokong oleh Datuk Poh Ah Tiam (BN-Bukit Sedanan) dan diluluskan dengan suara majoriti oleh 18 anggota dari Barisan Nasional (BN) yang hadir selepas perbahasan yang turut disertai oleh Ketua Pembangkang Sim Ting Him (DAP-Bandar Hilir).

Sim serta dua lagi anggota DAP berkecuali semasa usul itu diluluskan.

Semasa pembentangan usul Abu Zahar berkata ucapan Naib Presiden Amerika Syarikat (AS) Al Gore yang dibuat dalam jamuan rasmi negara bagi meraikan Ketua-ketua Negara anggota-anggota APEC baru-baru ini adalah satu tingkahlaku yang sangat biadab dan kurang ajar.

"Tindakannya seolah-olah untuk memperjuangkan demokrasi, hak asasi manusia dan menjaga keamanan dunia, pada hal agenda utamanya ialah untuk mencetuskan huru-hara di merata dunia.

"Ini supaya melalui rusuhan rakyat, kerajaan yang dipilih melalui proses demokrasi yang diiktiraf dijatuhkan, dan seterusnya diganti dengan kerajaan dan pemimpin boneka pilihannya," kata Abu Zahar.

Jelas sekali, katanya, niat pentadbiran Presiden Clinton ialah untuk menghina dan menundukkan semua negara yang tidak sealiran dengannya.

Abu Zahar berkata bukanlah sesuatu yang menghairankan bahawa rusuhan yang berlaku secara bersiri di negara ini dan negara jiran adalah atas hasutan pihak asing terutama negara gergasi seperti AS.

Enam ketetapan dinyatakan bersama usul itu. Antaranya bahawa tindakan AS terkeluar dari lunas diplomasi antarabangsa, AS tidak berasa malu untuk mencabuli kehormatan negara lain dan tindakan AS menyokong gerakan reformasi boleh menyemarakkan lagi gerakan anti kerajaan.

Abu Zahar mengajak rakyat Melaka khasnya untuk memberi sokongan padu kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Poh berkata usul itu penting kerana melibatkan maruah negara sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka.

"Sebagai sebuah negara yang sudah berjaya melepaskan diri dari kongkongan penjajah, maka adalah satu keaiban namanya, jika kita bersifat pengecut dan membiarkan orang asing menggunakan anak muda kita untuk menghancurkan negaranya sendiri," kata Poh.

-- BERNAMA

NO NMO